

Cabaran **santuni anak** seiring zaman media sosial

Oleh **DR RAHIMAH SAIMIN**

GELOMBANG Revolusi Industri 4.0 menyajikan hiburan yang sangat banyak dan kadang kala mampu melekakan anak-anak kita.

Akaun media sosial contohnya menyalurkan hiburan berterusan sepanjang waktu. Tanpa disedari, kita telah menghabiskan begitu banyak masa dan waktu melayani kawan-kawan mahupun hiburan melalui media sosial.

Sungguhpun Islam tidak melarang mengenai soal hiburan tetapi perlu diingat bahawa Islam tidak pula membuka ruang hiburan dengan seluas-luasnya sehingga tidak ada batasan sama sekali.

Firman Allah SWT mafhumnya: "Dan ada di antara manusia: Orang yang memilih serta membelanjakan hartanya kepada cerita dan perkara hiburan yang melalaikan; yang berakibat menyedihkan (dirinya dan orang ramai) dari agama Allah dengan tidak berdasarkan sebarang pengetahuan; dan ada pula orang yang menjadikan agama Allah itu sebagai ejek-ejekan; merekalah orang-orang yang akan beroleh azab yang menghinakan." (Surah Luqman 31: 6)

Sebelum mengupas dengan lebih lanjut, ada beberapa soalan yang perlu untuk difikirkan seketika: Bagaimanakah kita menyantuni anak-anak kita? Apa yang kita bekalkan kepada anak-

anak? Berapa banyak gambar yang disiarkan di laman media sosial semasa percutian anda? Berapa banyak 'geolocation tags' yang tertera di akaun media sosial anda? Berapa banyak gambar hari pertama persekolahan (di mana *school badge* anak anda jelas tertera di uniform sekolah) anda share di laman media sosial? Mungkin niatnya untuk berkongsi lakaran momen indah. Namun, pasti ada yang terlepas pandang isu keselamatan.

Peranan ibu bapa amat penting untuk menyantuni anak seiring dengan zaman dan menunjukkan contoh yang baik dan membimbing anak-anak. Ibu bapa juga perlu beringat. Jangan sudah terhantuk baru nak terngadahl!

Anak-anak juga merupakan ujian. Sebagaimana firman Allah SWT mafhumnya "Hai orang-orang yang beriman, janganlah kalian mengkhianati Allah dan Rasul-(Nya) dan (juga) janganlah kalian mengkhianati amanat-amanat yang dipercayakan kepada kalian, sedangkan kalian mengetahui. Dan ketahuilah bahwa harta kalian dan anak-anak kalian itu hanyalah sebagai ujian, dan sesungguhnya di sisi Allahlah pahala yang besar." (Al-Anfal: 27-28)

Beberapa perkara yang perlu dititik beratkan berkaitan perihal media sosial terutamanya kepada golongan kanak-kanak yang mudah terdedah pada bahaya. Masalah boleh bermula

jika anak anda tidak menjaga maklumat peribadinya dengan betul.

Risiko yang perlu anda perhatikan adalah buli siber, pencerobohan privasi, kecurian identiti, melihat gambar dan mesej yang menyinggung perasaan, dan kehadiran orang asing yang mungkin berada di luar sana untuk 'groom' ahli lain ke arah yang tidak kita ingini.

Pejabat Perangkaan Nasional UK 2015 mendapati bahawa kanak-kanak yang menghabiskan lebih dari 3 (tiga) jam setiap hari di laman media sosial mempunyai kebarangkalian dua kali lebih untuk menderita kesihatan mental. Keasyikan di alam maya boleh menyebabkan mereka mengalami kelewatan dalam perkembangan emosi dan sosial mereka.

Menurut laporan itu, media sosial turut berpotensi menjadi sumber perbandingan sosial, buli siber dan pengasingan, yang dapat menyebabkan masalah kesihatan mental.

Kanak-kanak tidak memahami privasi dalam talian. Mereka mungkin terlalu banyak berkongsi dengan orang di tempat yang tidak sepatutnya.

Garis panduan berikut akan membantu menyantuni dan memastikan anak-anak selamat semasa menjadi ahli kepada media sosial.

Di sini saya kongsi garis panduan tersebut.

Pertama pastikan bahawa



Peranan ibu bapa amat penting untuk menyantuni anak seiring dengan zaman dan menunjukkan contoh yang baik dan membimbing anak-anak.

mereka tidak berkongsi maklumat peribadi seperti lokasi, alamat emel, nombor telefon, nama sekolah, alamat rumah atau tarikh lahir.

Kedua, pastikan anak tidak berkongsi gambar di laman sosial, walaupun dalam kalangan rakan yang dipercayai - setelah mereka berada dalam talian, mereka boleh dikongsi secara meluas dan sangat sukar untuk dipadamkan.

Ketiga, ingatkan anak-anak untuk tidak sesekali menggunakan bahasa kasar apabila berkomunikasi dalam talian.

Keempat, ingatkan anak-anak tidak sesekali menghantar mesej yang menyinggung atau memalukan.

Kelima, galakkan mereka untuk berkongsi cerita dengan anda jika mereka menemui sesuatu yang mereka anggap menyinggung perasaan atau tidak menyenangkan.

Keenam, sebilangan besar aplikasi mempunyai syarat umur - ibu bapa perlu tegas dalam perkara ini!

Ketujuh, tetapkan peraturan asas untuk anak-anak anda di media sosial.

Kelapan, memantau anak anda. Sekiranya anda rasakan anda tidak dapat memantau, adalah lebih baik untuk tidak membenarkan anak mempunyai akaun media sosial.

Firman Allah SWT mafhumnya: "Dan belanjakanlah (harta bendamu) di jalan Allah, dan janganlah kamu menjatuhkan dirimu sendiri ke dalam kebinasaan, dan berbuat baiklah, karena sesungguhnya Allah menyukai orang-orang yang berbuat baik." (Al-Baqarah:195)

>> Penulis ialah Pensyarah Kanan, Fakulti Pengajian Bahasa Utama (FPBU), Universiti Sains Islam Malaysia (USIM).

Keluarga Malaysia seharusnya 'seikat bak sirih serumpun bak serai'

Oleh **MOHD ZAINI OTHMAN**

MERENUNG kembali suasana politik negara untuk beberapa tempoh kebelakangan ini, diumpamakan seperti laut yang bergelora kuat hinggalah jika salah percuturan nakhoda, boleh karam kapal di tengah lautan. Tetapi kini alunan ombaknya dilihat kembali tenang setelah rasminya Dato' Seri Ismail Sabri Yaakob mengangkat sumpah sebagai Perdana Menteri kesembilan di Istana Negara pada Sabtu lalu.

Semasa sesi menghadap Yang di-Pertuan Agong, Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah yang turut disertai Paduka Seri Sultan Perak, Sultan Nazrin Muizzudin Shah yang juga merupakan Timbalan Yang di-Pertuan Agong oleh ketua-ketua dan wakil parti-parti politik utama pada 17 Ogos, beberapa perkara disebut Tuanku untuk diterjemahkan kepada tindakan konkrit.

Antara perkara yang menjadi intipati pertemuan adalah baginda menekankan sesiapa pun yang dilantik menerajui Kerajaan Persekutuan sebagai Perdana Menteri hendaklah dipilih mengikut peruntukan Perlembagaan Persekutuan.

Pada pengakhiran pertemuan itu, Agong menitipkan ingatan awal apabila sudah dilantik Perdana Menteri kelak, ahli Dewan Rakyat yang menang seharusnya menghulurkan tangan untuk bekerjasama dengan yang tidak berjaya dan semua pihak sepatutnya bersedia untuk bekerja dalam satu pasukan.

Secara beralas, Seri Paduka Baginda mahukan semua parti politik khususnya ahli Dewan Rakyat menyedari dan menginsafi bahawasanya apa sahaja keputusannya nanti, pihak yang menang tidak menang semua manakala yang kalah tidak kalah semua.

Mendapat sokongan majoriti ahli Dewan Rakyat seramai 114



orang, warganet mengusik manja Pak Long Mail kini sudah "naik pangkat" menjadi ketua keluarga.

Bila sudah jadi ketua keluarga, maknanya makin bertambah besar dan beratlah tanggungjawab yang akan terpikul di bahu, ada masalah yang sudah boleh diduga, ada yang datang bertimpa-timpa. Tapi kata orang bila sudah jadi orang nombor satu di Putrajaya, semua ini kena hadap dan tempuh dengan kebijaksanaan tersendiri.

Kini apabila rakyat sudah mengetahui pihak mana yang menang dan pihak mana yang kalah, persoalan mereka mampukah kedua-dua pihak

berkerjasama untuk menjaga dan membela kepentingan rakyat dalam tempoh kritikal ancaman pandemik Covid-19 ini?

Semua pihak mengakui kemelut dan kekusutan politik yang berlaku sebelum ini telah memberi impak negatif yang besar kepada ekonomi negara, menggoyahkan keyakinan pelabur, mengganggu-gugat tadbir urus kerajaan dan mencetuskan suasana tidak harmoni kepada rakyat.

Pandemik ini merupakan satu musibah dan ujian yang sewajarnya menginsafkan semua pihak khususnya para pemimpin kerana merekalah yang menggalas amanah untuk mentadbir dan menguruskan negara.

Justeru, di sebalik sembang di laman maya yang begitu rancak meneka-neka dan mencadangkan siapakah yang patut dilantik oleh Perdana Menteri untuk mengisi barisan Menteri Kabinet baharu, rakyat tidak sesekali alpa untuk terus memerhatikan gelagat Yang

Berhormat selepas ini.

Rakyat akan menilai kesungguhan dan kebulatan tekad ahli-ahli Dewan Rakyat untuk mengetepikan agenda politik dan kepentingan diri masing-masing untuk bersatu hati dan bersepakat berusaha menangani pandemik Covid-19 demi kepentingan rakyat dan negara.

Ismail Sabri dalam perutusan pertamanya sebagai Perdana Menteri pada Ahad mengajak semua pihak bersama-sama atas nama "Keluarga Malaysia" mengembalikan semula kesejahteraan dan kesejahteraan hidup yang pernah dirasai suatu masa lalu sebelum pandemik Covid-19 melanda. Marilah kita keluarga Malaysia sekalian menjadi seikat bak sirih serumpun bak serai.

>> Penulis adalah Timbalan Pengarah Pusat Komunikasi Strategik di Universiti Sains Islam Malaysia (USIM). Penulisan ini adalah merupakan pandangan peribadi penulis.